

Tajuk : Karnival Bahasa Dan Kolokium Siswazah Pusat Pengajian bahasa 21-22 Noember 2012

Karnival Bahasa dan Kolokium Siswazah Pusat Pengajian Bahasa 21-22 November 2012

KUCHING, Isnin — Pusat Pengajian Bahasa (PPB) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) akan menganjurkan Karnival Bahasa dan Kolokium Siswazah pada 21-22 November 2012.

Bersempena dengan acara ini, PPB juga akan melancarkan Buku Panduan Akademik PPB dan jurnal berwasit atas talian yang diterbitkan dua kali setahun berjudul Issues in Language Studies.

Acara ini juga merupakan sambutan bersempena dengan ulang tahun ke-20 UNIMAS.

Acara dua hari ini akan diisi dengan aktiviti menarik melibatkan kursus-kursus bahasa

yang ditawarkan di PPB seperti Mandarin, Perancis, Jepun, Arab, bahasa Melayu, dan bahasa Inggeris.

Setiap kursus akan mengendalikan gerai dan aktiviti masing-masing. Antara aktiviti yang dirancang termasuklah pertandingan Reader's Theatre, persembahan oleh pelajar antarabangsa, bengkel penulisan khat dan kaligrafi Cina, ceramah kerjaya, dan pelbagai permainan serta kuiz.

Pada masa sama, pelajar pascasiswazah PPB akan membentangkan hasil penyelidikan mereka dalam sesi kolokium.

Hadiah juga disediakan bagi penyampai terbaik kolokium

dan peserta karnival.

Dengan jangkaan penyertaan daripada mahasiswa yang berjumlah lebih 11,000 orang, acara ini diharapkan dapat menarik lebih ramai pengunjung. Hal ini demikian kerana acara ini terbuka kepada orang awam, pelajar sekolah, guru dan institusi pengajian tinggi lain.

Pihak penaja yang terlibat bagi acara ini ialah British Council Sarawak, Edition 99 Sdn. Bhd., Corp premium Sdn. Bhd., De Jackie Inspirations, dan OurYouth.my.

Selain itu, karnival ini juga mendapat sokongan daripada Sarawak Bloggers Association,

Sarawak Society for the Prevention of Cruelty against Animal (SSPCA), Red FM, Indo-cafe, PAWADA, dan Rabiah Amit Kek Lapis Sarawak.

Penganjuran ulung Karnival Bahasa dan Kolokium Siswazah ini menandakan perkembangan dan pencapaian yang signifikan kepada PPB untuk bertindak sebagai entiti penting bagi kegemilangan akademik di UNIMAS.

Sejajar dengan usia UNIMAS 20 tahun, universiti ini sememangnya memerlukan satu jabatan bahasa yang lebih kuat dan berdaya saing, dan PPB sedang menyahut seruan tersebut.